



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/09/116 (HQ)

### TNB SUMBANG RM100,000 BANTU MANGSA BANJIR GUNUNG JERAI

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melalui Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Sabtu lalu menyerahkan cek sumbangan RM100,000 untuk membantu mangsa bencana kepala air Gunung Jerai.

Beliau yang diiringi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din, menyampaikan sumbangan tersebut kepada Ahli Parlimen Jerai, Sabri Azit di Pusat Operasi Bencana, Titi Hayun, Yan, Kedah.

Takiyuddin yang mengadakan lawatan pertama beliau sebagai Menteri Tenaga dan Sumber Asli berada di Yan untuk meninjau kawasan tanah runtuh akibat kepala air di Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu dan usaha TNB memulihkan aset dan infrastruktur bekalan elektrik yang rosak dan terjejas ekoran bencana berkenaan.

Beliau turut menyantuni warga kerja syarikat utiliti elektrik negara itu yang masih giat melakukan kerja-kerja membaik pulih. TNB telah menyediakan janakuasa bergerak untuk membekalkan elektrik sementara kepada semua pengguna terjejas sehingga bekalan elektrik dipulihkan sepenuhnya.

Turut hadir, Pegawai Daerah Yan YM Tunku Iskandar Shah Tunku Muzaffar Shah, ADUN Sungai Limau Ustaz Mohd Azam Abdul Samat dan Ketua Polis Daerah Yan DSP Shahnaz Akhtar Haji.

Bencana kepala air yang melanda kaki Gunung Jerai telah menyebabkan banjir kilat di beberapa buah kampung dan kawasan peranginan di sekitar daerah Yan, Gurun dan Merbok di Negeri Kedah. Banjir kilat dan limpahan air deras tersebut telah merosakkan kawasan kediaman dan infrastruktur utama, selain meragut enam nyawa penduduk.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 September 2021, jam 2:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

S.A. 2021/09/116 (HQ)



Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tengah) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kanan) menyerahkan replika cek sumbangan CSR TNB bagi mangsa banjir yang bernilai RM100,000 kepada Ahli Parlimen Jerai, Sabri Aziz (kiri) dalam Lawatan Kerja Menteri ke Kedah di Pusat Operasi Bencana, Titi Hayun, Yan, Kedah, 4 September 2021.



Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua kiri) diiringi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din menyantuni warga kerja TNB di kaki Gunung Jerai dalam Lawatan Kerja Menteri KeTSA ke Negeri Kedah, 4 September 2021.